

13 OCT 2003

OIC-Rangkuman/I

MENTERI-MENTERI LUAR SETUJU PENSTRUKTURAN OIC

Oleh: Shakir Husain

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) hari ini bersetuju dengan usaha penyuburan semula pertubuhan berusia 34 tahun itu menerusi penstrukturan semula sekretariatnya dan pelaksanaan beberapa pembaharuan lain.

Persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat peringkat menteri bagi menyiapkan agenda perbincangan ketua-ketua negara dan kerajaan pada Sidang Kemuncak OIC, Khamis dan Jumaat ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan persidangan itu yang kali pertama diadakan di rantau Asia Pasifik.

Isu kekejaman Israel ke atas penduduk Palestin, serangan udara Israel ke atas Syria dan juga masalah Iraq dijangka akan menjadi pokok perbincangan utama dalam persidangan yang berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) itu.

Pakistan telah mencadangkan satu kumpulan yang dianggotai tokoh-tokoh, dibentuk bagi mengemukakan cadangan-cadangan penyuburan OIC dalam tempoh setahun.

Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata terdapat sokongan kuat di antara kalangan negara-negara anggota pertubuhan itu untuk menjadikan OIC sebagai sebuah badan yang dihormati dan boleh diharapkan di peringkat antarabangsa.

Sebuah agensi Malaysia kini sedang menjalankan kajian untuk mengenal pasti bagaimana pertubuhan yang dianggotai oleh 57 negara itu harus diperbaharui, katanya kepada Bernama di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini hari ini.

"Kita miliki banyak pelan kukuh yang sedang dikaji. Jadi kita harap apabila semuanya dibentang dan konsepnya diterima, kita boleh terus bergerak ke hadapan," kata Syed Hamid yang mempengerusikan Mesyuarat Persediaan peringkat Menteri.

Terdahulu, semasa merasmikan sesi mesyuarat peringkat menteri, Setiausaha Agung OIC, Abdelouahed Belkeziz, yang tempoh jawatannya tamat tahun depan, mengucapkan terima kasih kepada Qatar, Pengerusi OIC yang akan berundur, yang menurutnya telah melaksanakan tanggungjawabnya sejak tiga tahun lepas.

Sebelum menyerahkan jawatan pengerusi mesyuarat peringkat menteri kepada Syed Hamid, Menteri Luar Qatar, Sheikh Hamad Bin Jassim Bin Jabar Al Thani berkata "perjuangan Palestin dan Baitulmaqdis" adalah antara perkara yang menjadi keutamaan OIC.

Syed Hamid dalam ucapan perasmianya berkata adalah malang OIC dilanda kepincangan akibat ketiadaan iltizam politik untuk menghapuskan halangan-halangan dalam menangani isu-isu mendesak.

"Malaysia berkeyakinan bahawa menerusi hala tuju yang lebih jelas, kita boleh menjadikan umat Islam lebih kuat dalam menghadapi cabaran global," katanya.

Satu perkembangan penting dalam persidangan ini ialah buat kali pertamanya diadakan sesi sumbang saran di kalangan menteri.

Empat isu utama dibincangkan dalam sesi itu yang dipengerusikan Syed Hamid

-- penstrukturan semula Sekretariat OIC, sains dan teknologi sebagai alat pembangunan, teknologi maklumat dan komunikasi dan penggunaan dinar emas.

Menurut Syed Hamid, mesyuarat itu "membuat analisis yang baik dan kritikan dalaman yang keras" tentang kenapa OIC sentiasa lemah.

"Menteri-menteri itu membincangkan bagaimana OIC boleh mencapai perpaduan dan tentang masalah-masalah yang dihadapi dunia Islam, perlunya tumpuan diberi kepada sains dan teknologi agar umat Islam dapat memainkan peranan dalam arus utama ekonomi dunia," katanya.

Beliau berkata turut dibincangkan dalam sesi itu ialah mengenai isu kaum wanita yang perlu diberikan peranan lebih besar di negara-negara Islam.

Menteri Luar itu berkata mesyuarat itu bersetuju agar negara-negara Islam meningkatkan perdagangan sesama sendiri bagi mencapai kemajuan ekonomi.

Syed Hamid berkata perdagangan di kalangan anggota OIC kini hanya dua peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan antarabangsa pertubuhan itu sedangkan negara anggota Kesatuan Eropah menjalankan 60 peratus perdagangan sesama sendiri.

Antara perkara yang dicadangkan bagi usaha pembaharuan OIC ialah mengadakan mekanisme yang membolehkan pertubuhan itu membuat susulan terhadap resolusi-resolusi yang diluluskan.

Satu cara adalah dengan memastikan bahawa pertubuhan yang beribu pejabat di Jeddah itu dianggotai oleh orang-orang yang berkebolehan.

Kepada soalan berhubung cadangan Malaysia yang menawarkan calonnya ke jawatan setiausaha agung OIC, menteri itu berkata perkara itu masih sedang dalam perbincangan.

"Banyak negara memberi gambaran bahawa mereka sanggup untuk menimbangkan calon kita," katanya.

Bercakap dalam satu sidang berita, Syed Hamid nampaknya menolak kemungkinan ada pertandingan untuk jawatan itu, dan berkata pemilihan akan dibuat berdasarkan kata sepakat.

Ditanya sekiranya ada sebarang tekanan dari Liga Arab supaya menjemput Majlis Pemerintahan Sementara Iraq yang dikawal oleh Amerika Syarikat untuk hadir pada sidang kemuncak itu, beliau berkata tekanan itu tidak wujud.

"Malah Iraq mengucapkan terima kasih kepada kami kerana menjemput mereka, dan wakil negara itu meminta kami membantu mereka kerana negara itu masih diduduki tentera asing. Mereka masih sedang melalui tempoh lepas pendudukan, jadi negara-negara OIC perlu menyokong mereka," katanya.

-- BERNAMA  
SKH AZZ AZH